



ResMed

*Changing lives
with every breath*

**RESMED INC.
(termasuk anak
syarikat ResMed)**

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika

Mei 2018

JADUAL ISI KANDUNGAN

Jadual Isi Kandungan

I.	PENGENALAN.....	5
1.	Tujuan.....	5
2.	Mencari Bantuan dan Maklumat.....	5
3.	Melaporkan Perlanggaran Tatakelakuan.....	6
4.	Perlanggaran Tatakelakuan.....	6
5.	Tiada Tindakan Balas.....	6
6.	Penepian Tatakelakuan.....	7
II.	KONFLIK KEPENTINGAN.....	7
1.	Mengenal pasti Konflik Kepentingan.....	7
2.	Pendedahan Konflik Kepentingan.....	8
III.	MAKLUMAT SULIT.....	9
1.	Maklumat Syarikat.....	9
2.	Maklumat Pesakit.....	9
3.	Maklumat Pekerja.....	10
4.	Media Sosial.....	10
IV.	LAPORAN KEWANGAN DAN REKOD SYARIKAT.....	10
1.	Laporan Kewangan.....	10
2.	Rekod Syarikat.....	10
V.	UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ORANG DALAM.....	11
VI.	KEGUNAAN WAJAR ASET SYARIKAT.....	12
VII.	MENANGANI PELANGGAN DAN PEMBEKAL.....	13
1.	Hubungan dengan Pelanggan.....	13
2.	Hubungan dengan Pembekal.....	14
VIII.	UNDANG- UNDANG DAN PERATURAN LAIN.....	14
1.	Anti Korupsi—Berurusan dengan Pihak Berkuasa Kerajaan dan Awam.....	14
2.	Persaingan dan Urusan Adil.....	15
3.	Harta Intelek dan Rahsia Perdagangan.....	16
4.	Perdagangan Antarabangsa.....	16
5.	Pelaburan Wang Haram.....	17
6.	Kelestarian dan Perlindungan Alam Sekitar.....	17
7.	Kualiti.....	17
8.	Hadiah dan Hiburan bagi Pelanggan dan Penyedia Penjagaan Kesihatan.....	18
9.	Peluang Saksama, Diskriminasi dan Gangguan.....	18
10.	Kesihatan dan Keselamatan.....	19
IX.	RUMUSAN.....	19

SURAT DARIPADA MICK FARRELL, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Ke hadapan Pekerja ResMed:

ResMed berdedikasi dalam menjalankan perniagaannya dengan standard tertinggi etika perniagaan. Kami mempunyai tanggungjawab terhadap pekerja, pemegang saham, pelanggan, pembekal, wakil masyarakat dan hubungan perniagaan lain kami untuk bersikap jujur, adil dan terus-terang dalam segala aktiviti perniagaan kami.

Sebagai pekerja ResMed, anda berhadapan dengan pelbagai keputusan perniagaan setiap hari. Anda mempunyai tanggungjawab peribadi untuk mengekalkan standard tinggi etika perniagaan Syarikat dalam setiap dan segala situasi ini. Tatakelakuan Perniagaan dan Etika kami tidak boleh menangani setiap situasi yang mungkin anda hadapi. Jika anda menuruti Nilai korporat kami dan gunakan pertimbangan perniagaan dan pengalaman anda yang bagus, berkemungkinan besar keputusan perniagaan anda tidak akan membangkitkan isu etika. Apabila anda berhadapan dengan isu etika, kami berharap Nilai kami dan Tatakelakuan ini akan menjadi panduan anda untuk membuat pilihan yang betul.

Kami juga menggalakkan anda untuk mengambil peluang ini untuk menyemak dasar kami dan membincangkan sebarang soalan yang mungkin anda ada dengan penyelia anda atau dengan Jabatan Undang-undang secara langsung. Akhir sekali, garis panduan yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini perlu dituruti pada setiap tahap organisasi ini oleh pengarah, pegawai dan pekerja kami.

Tatakelakuan kami bermula dengan pengesahan semula nilai korporat pengasas kami yang dikenal pasti bertahun-tahun dahulu. Nilai tersebut kekal sah hingga kini dan kami perlu terus menyejajarkan tindakan kami dengan nilai tersebut.

Kami bergantung pada anda untuk menegakkan nilai teras kami dan menjalankan perniagaan kita dengan jujur, adil dan berintegriti. Terima kasih atas semua yang anda lakukan.

Yang ikhlas,

Michael Farrell
Ketua Pegawai Eksekutif

Etika dan Integriti

Tidak ada tolak ansur dalam hal ini. Kita tidak boleh berbincang apabila kita tidak pasti jika kebenaran akan muncul *atau* sama ada kita akan mendapatkan kebenaran atau tidak. Hidup dengan keraguan bukanlah suatu pilihan. Tiada alternatif menjadi etika dan mempunyai integriti. Ianya bagaikan sine qua non—suatu elemen kemestian dalam mana-mana perniagaan.

Seorang pemain pasukan polos politik

Salah satu bentuk kanser yang terburuk dalam organisasi adalah politik yang tidak diperlukan. Mana-mana organisasi berjaya merupakan pasukan yang berkesan. Penting untuk kita mengemukakan isu penting kepada semua orang agar kebijaksanaan kolektif kita semua boleh menanggung masalah tersebut. Tiada seorang individu yang sebijak kita semua. Secara kolektif, kita sering membuat keputusan yang tepat dengan lebih baik. Tiada tempat untuk politik berada dalam syarikat kita.

Inisiatif

Sesiapa dalam ResMed yang mengangkat tangan untuk meminta izin ke bilik air akan mengalami kewujudan sengsara yang pendek sebagai pekerja ResMed. Kami memerlukan dan memberi ganjaran kepada orang yang mengambil inisiatif, dengan syarat semua orang yang perlu berada dalam gelung diberitahu dengan betul. Buat keputusan yang tepat dan terus melakukannya. Biar saya tambah bahawa mana-mana penyelia yang mengambil pendekatan "tembak pembawa khabar" juga akan tidak kekal lama dengan ResMed. Mottonya adalah "Terus melakukannya" dengan syarat anda telah merangkumi semua asas yang perlu dirangkumi.

Bertindak segera

Saya percaya bahawa tiada apa-apa yang berbaloi dapat dilakukan tanpa tindakan segera yang sangat penting untuk kemajuan. Saya merujuk pada pengenalan masalah untuk diselesaikan dan kemudian terus melaksanakan penyelesaiannya. Secara ringkasnya, kita perlu memahami sesuatu dengan segera dan terus melaksanakan penyelesaiannya.

Kreativiti

Sentiasa fikir tentang cara sesuatu itu boleh dilakukan dengan lebih baik dan berbeza. Saya sedang memikirkan tentang kedua-dua jurutera 3M yang memperkenalkan Post-Its dan jurutera Swiss yang mengembangkan Velcro. ResMed memerlukan Post-its dan Velcros yang tersendiri.

Komunikasi proaktif

ResMed merupakan pasukan yang bagus, tetapi anda **perlu** untuk **memastikan** anda melakukan **perkara** yang betul dalam komunikasi. Jangan sesekali menganggap orang yang perlu tahu sesuatu itu sebenarnya tahu; **beritahu** mereka, walaupun hal ini bermakna anda memberitahu mereka sesuatu yang sudah **mereka** tahu. Memadam **e-mel** sesenang satu klik pada tetikus, seseorang tidak berada dalam gelung yang sepatutnya ada akan mempengaruhi masa hadapan kita. Berhubung.

Komitmen pada kualiti dan kemajuan berterusan

Kata-kata hikmah "Kita sentiasa boleh melakukan lebih baik" adalah sangat benar. Kita perlu mempunyai obsesi untuk melakukan perkara lebih baik. Ini merupakan salah satu kunci bagi produktiviti. Kualiti teruk bukanlah suatu pilihan. Saya ingin semua orang untuk sentiasa memeriksa tabiat mereka dan kebolehan mereka untuk melihat di mana umpilan yang banyak boleh diperolehi. Jika kita tidak bergerak ke hadapan, kita sebenarnya mundur ke belakang.

Harga diri

Jika anda tidak menyukai diri sendiri, siapa yang akan menyukai anda? Jangan takut untuk melontarkan pandangan anda. Hal ini tidak bermaksud menjerit dan meninggikan suara untuk mendapatkan perhatian tetapi ia bermakna sesuatu seperti jika anda benar-benar percaya akan sesuatu. "Ok, saya mungkin gila, tapi saya rasa kita patut buat x, y atau z". Jika anda mempercayainya, suarakannya. Kita semua perlukan input yang masuk akal dan rasional, jadi jangan takut untuk memperdengarkan pendapat anda. Tolong.

Nilai kesedaran

Peranan utama syarikat awam adalah untuk sentiasa bertindak demi kepentingan pemegang saham. Kita mesti sentiasa mempunyai rasa hormat yang berpada terhadap para pelabur kita yang telah memberi kita penghormatan untuk menguruskan bahagian portfolio pelaburan mereka. Tanggungjawab ini berat, kita boleh melakukan perkara gila dengan wang kita tetapi bukan dengan wang pemegang saham. Setiap projek dan penggunaan sumber syarikat perlu tertakluk pada analisis kos/faedah. Tanya diri anda jika anda boleh membela tindakan anda kepada salah seorang pemilih ResMed? Jika anda tidak mampu, ada mesej yang besar di situ. Projek itu tidak berbaloi untuk dilakukan.

Fokus pada pelanggan

Pelanggan, pesakit kami dan masyarakat perubatan bergantung pada kita untuk menyediakan mereka dengan produk yang hebat yang membuat perbezaan dalam kehidupan mereka. Fokus harian kita adalah untuk bekerja keras bagi pihak pelanggan kita. Kita perlu fokus secara luaran—dan bukan secara dalaman.

Kepuasan pekerja

Saya sentiasa berkata bahawa manusia terdiri daripada 75% atau lebih dalam mana-mana perniagaan tanpa mengira jenis perniagaan. Kita boleh mempunyai visi hebat dan rancangan yang besar, tetapi hasil tidak boleh diperolehi tanpa orang yang akan mengusahakannya—orang yang bermotivasi, bersemangat dan komited untuk melaksanakannya. Di ResMed, kami akan menyediakan persekitaran yang memupuk kesejahteraan setiap pekerja. Setiap seorang daripada kami melayan sesama sendiri dengan jujur dan adil. Peraturan Emas masih aktif dan kami ingin terus menurutinya di ResMed.

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika

I. PENGENALAN

1. Tujuan

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini (Tatakelakuan) mengandungi garis panduan am untuk menjalankan perniagaan Syarikat konsisten dengan standard tertinggi etika perniagaan.

Tatakelakuan terpakai pada ResMed Inc. dan setiap anak syarikat kami. Ia terpakai pada pengarah, pegawai dan pekerja kami. Untuk kemudahan, kami merujuk pada individu yang dirangkumi oleh Tatakelakuan ini sebagai "anda", "pekerja Syarikat" atau "pekerja."

2. Mencari Bantuan dan Maklumat

Tatakelakuan ini bukanlah buku peraturan komprehensif. Tatakelakuan ini tidak boleh menangani setiap situasi yang mungkin anda hadapi. Dalam banyak perkara, Syarikat telah mengambil dasar dalaman yang menyediakan konteks yang lebih dalam topik tertentu. Untuk menyediakan pekerja dengan maklumat lanjut mengenai topik ini, kita mempunyai pautan yang termasuk pada dasar tempatan yang dapat dikenakan, boleh diakses hanya oleh pekerja, disusun mengikut struktur Tatakelakuan dalam Lampiran.

Jika anda berasa tidak selesa tentang sesuatu situasi atau mempunyai keraguan tentang sama ada tindakan anda melanggar Tatakelakuan atau tidak, cari bantuan. Secara spesifiknya, kami menggalakkan anda untuk menghubungi penyelia anda terdahulu untuk bantuan. Jika penyelia anda tidak boleh menjawab soalan anda atau jika anda berasa tidak selesa menghubungi penyelia anda, hubungi Jabatan Undang-undang dengan mendail David Pendarvis, Pegawai Peguam Am dan Pematuhan Etika di + 1 (858) 836-5983, atau hantar emel ke EthicsOffice@ResMed.com.

ResMed merupakan syarikat global. Disebabkan Tatakelakuan ini merupakan sumber global bagi ResMed, secara amnya ia konsisten dengan undang-undang di setiap tempat ResMed beroperasi. Walau bagaimanapun, kadangkala undang-undang tempatan akan memerlukan pendekatan yang berbeza. Kami telah mengambil perhatian pada sesetengah perbezaan dalam Tatakelakuan, tetapi undang-undang sentiasa berubah. Oleh itu, jika anda percaya bahawa undang-undang tempatan dalam negara anda tidak konsisten dengan panduan dalam Tatakelakuan pada topik tertentu, sila rujuk Lampiran dahulu dan jika soalan anda tidak ditangani di sini, maka tanya penyelia anda atau Jabatan Undang-undang untuk bantuan. Jika undang-undang bertentangan dengan Tatakelakuan atas dasar syarikat, anda mesti mematuhi dengan undang-undang.

3. Melaporkan Perlanggaran Tatakelakuan

Semua pekerja mempunyai tugas untuk melaporkan mana-mana pelanggaran Tatakelakuan ini yang disyaki, sama seperti anda dijangka untuk melaporkan sebarang perlanggaran undang-undang, peraturan atau pengawalseliaan yang terpakai pada Syarikat. Secara umumnya, jika anda mengetahui atau mengesyaki perlanggaran Tatakelakuan ini, laporkan tingkah laku dengan segera kepada penyelia anda. Penyelia anda akan menghubungi wakil Jabatan Undang-undang yang akan bekerja dengan anda dan penyelia anda untuk menyasat kerisauan anda. Jika anda tidak berasa selesa melaporkan tingkah laku kepada penyelia anda, atau jika anda tidak mendapatkan balasan yang memuaskan, anda boleh sentiasa menghubungi Jabatan Undang-undang secara langsung.

Laporan tanpa nama perlanggaran berpotensi Tatakelakuan juga boleh dibuat melalui Talian penting etika Syarikat. Nombor telefon bagi Talian penting dalam kawasan anda terkandung dalam Lampiran Tatakelakuan. Maklumat tentang laporan juga boleh ditemui di <http://resmed.tnwreports.com>.

Semua laporan tentang perlanggaran berpotensi Tatakelakuan ini akan ditangani secara sensitif dengan budi bicara dan konsisten dengan undang-undang tempatan. Penyelia anda, Jabatan Undang-undang dan Syarikat anda akan melindungi kerahsiaan anda setakat yang boleh diselaraskan dengan undang-undang berkenaan dan Keperluan Syarikat untuk menyasat kebimbangan anda.

4. Perlanggaran Tatakelakuan

Pekerja yang melanggar Tatakelakuan tertakluk pada disiplin yang sesuai sehingga dan termasuk pemberhentian kerja. Disiplin tertentu dalam setiap situasi akan berdasarkan fakta dan keadaan situasi dan keperluan undang-undang tempatan. Pekerja yang melanggar undang-undang seperti yang digariskan dalam Tatakelakuan ini boleh mendedahkan diri mereka terhadap ganti rugi sivil yang besar, denda jenayah dan hukuman penjara. Syarikat juga mungkin dikenakan denda dan penalti yang besar dan banyak yang dirugikan dari segi reputasi dan kedudukannya dalam masyarakat. Tingkah laku anda sebagai wakil Syarikat, jika ia melanggar undang-undang atau Tatakelakuan boleh menghasilkan kesan serius bagi anda dan juga Syarikat.

5. Tiada Tindakan Balas

Pekerja yang melaporkan perlanggaran Tatakelakuan yang berpotensi—atau sesiapa yang menyertai penyiasatan perlanggaran Tatakelakuan yang berpotensi—tidak boleh diberi tindakan balas jika mereka bertindak dengan niat yang baik. Hal ini benar sungguhpun jika laporan tersebut memberikan hasil yang salah atau tingkah laku yang dilaporkan tidak melanggar Tatakelakuan. Tindakan balas yang dilarang termasuklah memecat, menurunkan pangkat, pemindahan atau kesan pekerjaan negatif yang lain berhubung laporan etika. Sesiapa yang membuat tindakan balas terhadap pekerja kerana melaporkan perlanggaran Tatakelakuan boleh tertakluk dengan tindakan disiplin termasuklah pemberhentian pekerjaan.

6. Penepian Tatakelakuan

Kadang kala pengecualian pada Tatakelakuan boleh dibuat. Penepian bagi pekerja boleh dibuat hanya oleh pegawai eksekutif Syarikat. Sebarang penepian bagi pengarah atau pegawai eksekutif boleh dibuat hanya oleh Lembaga Pengarah atau jawatankuasa sesuai Lembaga Pengarah kami dan akan didedahkan pada orang ramai pada laman web kami di www.resmed.com dalam lima hari bekerja atau sebaliknya seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau peraturan Pertukaran Saham New York.

II. KONFLIK KEPENTINGAN

1. Mengenal pasti Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan adalah apabila kepentingan peribadi anda mengganggu, boleh mengganggu atau kelihatan seperti mengganggu kepentingan ResMed. Anda sepatutnya mengelakkan mana-mana konflik—atau kemunculan sebarang konflik--yang mempengaruhi kebolehan anda untuk bertindak bagi kepentingan terbaik ResMed.

Mengenal pasti konflik kepentingan berpotensi bukanlah perkara yang mudah. Situasi berikut merupakan contoh lazim konflik kepentingan.

- **Penggajian Luar.** Setiap pekerja mempunyai kewajipan kesetiaan terhadap ResMed. Tiada pekerja yang patut diambil bekerja, bertugas sebagai pengarah atau menyediakan sebarang perkhidmatan kepada syarikat yang merupakan pesaing, pelanggan atau pembekal ResMed.
- **Faedah Peribadi yang Tidak Wajar.** Tiada pekerja yang boleh mencari atau menerima sebarang faedah peribadi atau pertolongan penting disebabkan kedudukan pekerja dalam Syarikat. Jika anda mempunyai sebarang keraguan tentang sama ada faedah peribadi adalah penting, sila bincangkannya dengan pengurus anda untuk menentukan sama ada ia sepatutnya ditolak atau diterima hanya di bawah keadaan yang tertentu.
- **Kepentingan Kewangan.** Tiada pekerja yang sepatutnya mempunyai kepentingan kewangan yang besar (pemilikan atau sebaliknya) dalam mana-mana syarikat yang merupakan pesaing, pelanggan atau pembekal ResMed. "Kepentingan kewangan besar" bermaksud (i) lebih daripada 10% pemilikan pesaing, pelanggan atau pembekal; atau (ii) pelaburan dalam pesaing, pelanggan atau pembekal yang melebihi 10% aset pekerja. Pemilikan dana bersama meluas bukanlah konflik kepentingan sungguhpun jika dana tersebut memiliki saham pesaing, pelanggan atau pembekal.

- **Pinjaman atau Urus Niaga Kewangan Lain.** Tiada pekerja yang patut mencari atau menerima pinjaman atau masuk dalam perkiraan kewangan peribadi yang lain dengan pelanggan atau pembekal Syarikat. Urus niaga telus dengan bank, firma broker atau institusi kewangan yang lain yang juga menyediakan perkhidmatan kepada Syarikat bukanlah konflik kepentingan.
- **Perkhidmatan bagi Lembaga dan Jawatankuasa.** Tiada pekerja yang patut berkhidmat sebagai pengarah atau pemegang amanah sebarang entiti (sama ada untung atau bukan untuk keuntungan) jika kepentingan entiti tersebut mungkin berkonflik dengan kepentingan Syarikat. Pendekatan terbaik adalah untuk bertanya kepada penyelia anda sebelum anda bersetuju untuk berkhidmat bagi lembaga atau organisasi yang lain.
- **Mengambil Peluang Syarikat.** Tiada pekerja yang boleh menggunakan harta korporat, maklumat atau kedudukan dengan Syarikat untuk keuntungan peribadi. Jika anda diberikan peluang yang agak menarik atau menguntungkan kepada Syarikat, ia perlulah dibentangkan dahulu kepada Syarikat untuk penilaian.
- **Tindakan Ahli Keluarga.** Tindakan ahli keluarga juga boleh menimbulkan konflik kepentingan kerana mereka boleh mempengaruhi objektiviti pekerja dalam membuat keputusan bagi pihak ResMed. Bagi tujuan Tatakelakuan ini, "ahli keluarga" termasuklah pasangan atau pasangan hidup, abang, kakak, ibu bapa, keluarga mertua dan anak-anak, sama ada hubungan tersebut berdasarkan talian darah, perkahwinan atau hubungan angkat.

Jika anda tidak pasti sama ada syarikat tertentu adalah pelanggan, pembekal atau pesaing, sila hubungi Jabatan Undang-undang untuk bantuan.

2. Pendedahan Konflik Kepentingan

Syarikat memerlukan pekerja untuk mendedahkan situasi yang boleh menimbulkan konflik kepentingan. Jika anda fikir anda mempunyai konflik kepentingan atau sesuatu yang orang lain fikir boleh dianggap sebagai konflik kepentingan, laporkannya ke penyelia anda atau Jabatan Undang-undang. Penyelia anda dan Jabatan Undang-undang akan bekerja dengan anda untuk menentukan sama ada anda mempunyai konflik kepentingan dan jika konflik kepentingan memang wujud, bagaimana untuk menanganinya. Konflik kepentingan hanya boleh diketepikan seperti yang diterangkan dalam "Penepian Tatakelakuan" dalam seksyen 1.6 di atas. Borang untuk memohon penepian disediakan dalam Lampiran.

III. MAKLUMAT SULIT

1. Maklumat Syarikat

Semua pekerja mesti memastikan maklumat bukan awam Res Med kekal sulit. Maklumat sulit yang perlu dilindungi termasuklah maklumat bukan awam yang mungkin boleh dipergunakan oleh pesaing atau akan merosakkan Syarikat jika didedahkan. Pekerja juga mesti melindungi maklumat sulit pihak ketiga yang menjalankan perniagaan dengan ResMed. Maklumat sulit tidak sepatutnya didedahkan melainkan diberi kebenaran atau diperlukan dari segi undang-undang. Sebarang pendedahan maklumat sulit yang dibenarkan seharusnya tertakluk pada perjanjian kerahsiaan yang memerlukan pihak lain untuk menyimpan maklumat sulit apabila didedahkan. Tanggungjawab untuk mengekalkan kesulitan maklumat ResMed berterusan selepas pekerja meninggalkan Syarikat. Sila ambil perhatian bahawa pendedahan maklumat sulit tanpa kebenaran boleh menyebabkan kerosakan persaingan kepada Syarikat dan boleh menyebabkan liabiliti undang-undang kepada anda dan Syarikat.

Sebarang soalan atau kebimbangan berkenaan sama ada pendedahan maklumat Syarikat dibenarkan atau diperlukan dari segi undang-undang perlu segera dirujuk kepada Jabatan Undang-undang. Jika diperlukan, Jabatan Undang-undang boleh menyediakan anda dengan perjanjian kesulitan yang wajar. Untuk maklumat lanjut mengenai Kerahsiaan, sila rujuk Lampiran, untuk Dasar Perdagangan Orang Dalam ResMed dan Dasar Pendedahan Adil Peraturan, juga disertakan dalam Lampiran Tatakelakuan perniagaan dan etika.

2. Maklumat Pesakit

Produk ResMed digunakan untuk merawat jutaan pesakit di seluruh dunia setiap hari. Kebanyakan peranti kami berhubung secara langsung dengan ResMed agar kami boleh memberi pesakit, doktor dan ahli profesional penjagaan kesihatan yang lain dengan maklumat untuk meningkatkan kehidupan pesakit. Hasilnya, kami menerima maklumat peribadi mengenai pesakit dan rawatan yang mereka terima pada skala yang besar.

Hampir setiap negara yang mana ResMed beroperasi mengenakan tanggungjawab kepada kita untuk melindungi maklumat pesakit. Undang-undang dalam kebanyakan negara terutamanya ketat dalam pengumpulan, penyimpanan dan penghantaran maklumat pesakit dan perlu dipatuhi dengan penuh hati-hati. Sebagai tambahan pada tugas undang-undang kita, setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab beretika untuk melindungi maklumat pesakit agar pesakit kita akan terus mempercayai kita untuk rawatan keadaan perubatan mereka.

Jika anda sedar akan sebarang pendedahan maklumat pesakit secara awam atau sebarang cubaan oleh orang luar untuk "menggodam" atau mencuri maklumat pesakit yang dipegang oleh ResMed, laporkan peristiwa tersebut kepada Jabatan Undang-undang dengan segera.

3. Maklumat Pekerja

Kami juga menghormati maklumat sulit pesakit kami. Hal ini bermakna akses kepada rekod personel pekerja kami sepatutnya dihadkan kepada pekerja Syarikat yang mempunyai kebenaran yang sesuai dan keperluan perniagaan yang jelas bagi maklumat tersebut. Pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat pekerja sepatutnya mencari panduan daripada Sumber Manusia dalam pengumpulan, penyimpanan dan perkongsian maklumat pekerja. Jangan berikan maklumat peribadi pekerja yang diminta oleh sesiapa tanpa menyemak kebenaran wajar dan persetujuan yang sesuai daripada Sumber Manusia dan jika perlu, daripada Jabatan Undang-undang.

4. Media Sosial

Kegunaan media sosial menembusi kehidupan profesional dan peribadi kita. Syarikat telah mengambil dasar Media Sosial yang mengingatkan kita semua bahawa maklumat sulit sepatutnya tidak dikongsi pada laman media sosial. Mendedahkan maklumat sebegitu boleh merosakkan Syarikat dan mendedahkan anda kepada tindakan disiplin. Dasar Media Sosial termasuk dalam Lampiran pada Tatakelakuan.

IV. LAPORAN KEWANGAN DAN REKOD SYARIKAT

1. Laporan Kewangan

Sebagai syarikat awam, ResMed tertakluk pada pelbagai undang-undang keselamatan, peraturan dan tanggungjawab laporan awam di Amerika Syarikat dan Australia. Undang-undang persekutuan dan pemegang saham kami memerlukan pendedahan maklumat yang tepat dan lengkap mengenai perniagaan, keadaan kewangan dan keputusan operasi Syarikat. Laporan yang tidak tepat, tidak lengkap dan sebelum waktunya boleh merosakkan Syarikat dengan teruk, menyebabkan liabiliti undang-undang dan merosakkan kredibiliti kami dengan pemegang saham kami.

Ketua pegawai eksekutif Syarikat, ketua pegawai kewangan dan pekerja yang bekerja dalam Jabatan Kewangan mempunyai tanggungjawab istimewa untuk memastikan semua pendedahan kewangan kami adalah lengkap, adil, tepat, mengikut masa dan boleh difahami. Pekerja kewangan perlulah memahami dan mematuhi dengan tegas prinsip perakaunan yang diterima secara umum dan semua standard, undang-undang dan peraturan bagi laporan perakaunan dan kewangan urus niaga, anggaran dan ramalan. Seperti yang dibincangkan di bawah, pekerja Kewangan perlu sentiasa menyimpan rekod yang mengesahkan perniagaan dan aktiviti kewangan Syarikat dengan tepat.

2. Rekod Syarikat

Rekod yang tepat dan boleh dipercayai adalah penting bagi perniagaan kami. Rekod kami adalah dasar penyata pendapatan, laporan kewangan dan pendedahan lain kami kepada awam dan memandu pembuatan keputusan dan perancangan strategik perniagaan kami. Rekod syarikat termasuklah menempah maklumat, gaji, kad perakam waktu, laporan perjalanan dan perbelanjaan, emel,

data perakaunan dan kewangan, rekod penilaian dan prestasi, fail data elektronik dan semua rekod lain yang diselenggara dalam urus niaga biasa perniagaan kami.

Semua rekod Syarikat mestilah lengkap, tepat dan boleh dipercayai dalam semua aspek penting. Anda tidak sepatutnya sekali-kali memasukkan maklumat palsu dalam rekod perniagaan Syarikat. Dana, pembayaran atau resit yang tidak didedahkan atau tidak direkod tidak konsisten dengan amalan perniagaan kami dan juga dilarang. Anda bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi dengan mana-mana dasar penyimpanan rekod yang diambil oleh Syarikat. Tanya penyelia anda jika anda mempunyai sebarang soalan.

V. UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ORANG DALAM

Pekerja syarikat dilarang daripada berdagang dalam saham, bon boleh ditukar atau keselamatan ResMed Inc. yang lain semasa memegang maklumat bukan awam yang penting tentang Syarikat. Selain itu, pekerja Syarikat juga dilarang daripada mengesyorkan, "tipping" atau mencadangkan orang lain untuk membeli atau menjual saham atau keselamatan Syarikat yang lain berdasarkan maklumat bukan awam yang penting. Pekerja syarikat yang memperoleh maklumat bukan awam yang penting tentang syarikat lain—seperti pelanggan atau pembekal—sepanjang mereka bekerja dilarang daripada berdagang saham atau keselamatan syarikat lain tersebut semasa memegang maklumat tersebut atau memberitahu orang lain untuk berdagang berdasarkan maklumat sedemikian. Pelanggaran undang-undang perdagangan orang dalam boleh menghasilkan denda yang banyak dan penalti jenayah dan juga tindakan disiplin oleh Syarikat sehingga dan termasuklah pemberhentian kerja.

Maklumat adalah "bukan awam" jika ia tidak tersedia secara umum kepada orang awam melalui kaedah siaran akhbar atau kaedah lain bagi penyebaran meluas. Maklumat adalah "penting" jika pelabur yang munasabah akan menganggapnya penting dalam keputusan untuk membeli, memegang atau menjual saham atau keselamatan yang lain. Sebagai peraturan praktikal, sebarang maklumat yang boleh mempengaruhi nilai saham sepatutnya dianggap penting. Contoh maklumat yang dianggap "penting" secara umum termasuklah yang berikut:

- Keputusan atau ramalan kewangan atau sebarang maklumat yang menunjukkan bahawa keputusan kewangan Syarikat mungkin melebihi atau kurang daripada ramalan atau jangkaan.
- Produk atau perkhidmatan baharu yang penting.
- Pemerolehan atau pelupusan tertangguh atau yang dipertimbangkan termasuklah penggabungan, tawaran tender atau cadangan usaha sama.
- Perubahan pengurusan yang mungkin atau perubahan kawalan.
- Jualan saham atau hutang yang berpotensi.

- Pemerolehan atau kehilangan pelanggan atau kontrak yang penting.
- Hapus kira yang penting disebabkan hutang yang banyak.
- Risiko dan insiden keselamatan siber.
- Permulaan atau penyelesaian litigasi penting.
- Perubahan pada juruauditor Syarikat atau pemberitahuan daripada juruauditornya bahawa Syarikat mungkin tidak boleh bergantung lagi pada laporan juruaudit.

Pekerja tidak boleh terlibat dalam perdagangan tertentu dalam Keselamatan ResMed, tanpa mengira sama ada pekerja mempunyai maklumat bukan awam yang penting. Urus niaga yang dilarang termasuklah:

- Perdagangan input atau pilihan panggilan.
- Jualan pendek.
- Membeli keselamatan ResMed pada margin, meminjam terhadap mana-mana akaun yang memegang keselamatan ResMed atau menyandarkan keselamatan ResMed sebagai cagaran bagi margin atau pinjaman yang lain.
- Melindungi nilai urus niaga dalam keselamatan ResMed seperti kolar, kontrak jualan maju, pertukaran ekuiti atau instrumen kewangan yang lain yang direka untuk melindungi nilai atau mengimbangi penurunan dalam nilai pasaran Keselamatan ResMed.

Sebarang soalan mengenai kepentingan maklumat yang mungkin anda miliki atau tentang mendagangkan keselamatan Syarikat perlu segera dirujuk kepada Jabatan Undang-undang.

Bahagian ini meringkaskan dasar kami berkenaan dagangan dalam keselamatan ResMed. Kami mempunyai dasar spesifik yang terperinci tentang perdagangan orang dalam yang termasuk dalam Lampiran pada Tatakelakuan. Sila semak dasar tersebut yang akan mengawal jika tiada perbezaan antaranya dan ringkasan ini. Lampiran turut mengandungi Dasar Pendedahan Adil Peraturan ResMed, yang menyelia pendedahan maklumat perniagaan Syarikat kepada penganalisis pasaran saham dan pihak lain yang mengikuti prestasi Syarikat.

VI. KEGUNAAN WAJAR ASET SYARIKAT

Pekerja perlu melindungi aset Syarikat dan menggunakannya hanya untuk tujuan perniagaan yang sah. Pencurian, kecuaiian dan pembaziran mempunyai kesan langsung terhadap keuntungan Syarikat. Penggunaan dana atau aset

syarikat, sama ada untuk manfaat peribadi atau tidak, bagi apa-apa tujuan yang menyalahi atau tidak sesuai dengan undang-undang, adalah dilarang.

Untuk memastikan perlindungan dan penggunaan aset Syarikat dengan cara yang betul, setiap pekerja perlu melakukan hal berikut:

- Berhati-hati untuk mencegah kecurian, kerosakan atau penyalahgunaan bagi Harta syarikat.
- Laporkan kecurian, kerosakan atau penyalahgunaan yang berlaku atau disyaki terhadap Harta Syarikat kepada penyelia.
- Gunakan sistem telefon, perkhidmatan komunikasi elektronik lain, bahan bertulis dan harta lain Syarikat hanya untuk tujuan berkaitan perniagaan dan menurut dasar IT yang berkenaan.
- Jaga keselamatan semua program elektronik, data, komunikasi dan bahan bertulis daripada akses yang tidak dibenarkan oleh orang lain.
- Gunakan harta Syarikat hanya untuk tujuan perniagaan yang sah sebagaimana yang dibenarkan bagi tanggungjawab kerja anda.

Harta Syarikat juga merangkumi semua data dan komunikasi yang dihantar kepada, diterima oleh atau terkandung dalam sistem telefon Syarikat. Pekerja dan pengguna harta Syarikat yang lain tiada jangkakan kerahsiaan berkenaan komunikasi elektronik dan data. Sejauh mana dibenarkan undang-undang, Syarikat boleh memantau komunikasi elektronik dan telefon tanpa sebarang notis kepada anda. Komunikasi ini juga boleh didedahkan kepada penguatkuasa undang-undang atau pegawai kerajaan. Dasar IT kami disenaraikan dalam Lampiran.

VII. MENANGANI PELANGGAN DAN PEMBEKAL

Semua pekerja perlu adil dan jujur dengan rakan sekerja dan pelanggan serta pembekal Syarikat. Pekerja tidak boleh mengambil kesempatan secara tidak adil terhadap sesiapa pun melalui manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat sulit, salah nyata fakta penting atau apa-apa amalan tidak adil yang lain.

1. Hubungan dengan Pelanggan

Kejayaan perniagaan bergantung kepada keupayaan kita untuk mencipta hubungan berkekalan dengan pelanggan. Syarikat komited untuk berurusan dengan pelanggan secara adil, jujur dan dengan integriti. Secara khususnya, anda perlu mengikut garis panduan berikut semasa berurusan dengan pelanggan:

- Maklumat yang disampaikan kepada pelanggan mestilah tepat, lengkap sejauh mana yang diketahui dan mematuhi keperluan

peraturan yang berkenaan. Pekerja tidak boleh melakukan salah nyata maklumat kepada pelanggan dengan sengaja.

- Pekerja tidak boleh menolak untuk menjual, melakukan servis atau penyelenggaraan produk yang dihasilkan oleh Syarikat hanya kerana pelanggan membeli produk daripada pembekal lain.
- Pekerja tidak boleh menyediakan hiburan atau manfaat lain yang mungkin dilihat sebagai dorongan atau ganjaran bagi pembuatan keputusan pembelian pelanggan. Undang-undang tempatan mungkin menghadkan secara tegas jenis dan amaun manfaat yang diberikan kepada pelanggan. Tentu sekali, penggunaan pihak ketiga untuk menyediakan manfaat yang sebaliknya tidak sesuai juga adalah dilarang.
- Apa-apa maklumat yang diterima daripada pelanggan berkenaan penjagaan kesihatan pesakit perlu dirahsiakan dan dilindungi daripada akses atau pendedahan tanpa kebenaran.

2. Hubungan dengan Pembekal

Syarikat berurusan dengan pembekal secara adil dan jujur. Ini bermakna hubungan kami dengan pembekal lazimnya adalah berdasarkan harga, kualiti, perkhidmatan dan reputasi, serta faktor lain. Pekerja yang berurusan dengan pembekal mestilah bersifat objektif. Anda tidak boleh sesekali menerima atau memberikan apa-apa manfaat peribadi daripada pembekal atau bakal pembekal yang mungkin menggugat penilaian adil anda terhadap produk dan harga pembekal. Pekerja boleh memberi atau menerima item promosi pada nilai nominal dan memberikan hiburan berskala sederhana dalam lingkungan had yang dirasakan wajar, mengikut amalan perniagaan lazim dan mematuhi undang-undang tempatan. Jika anda mempunyai keraguan sama ada manfaat yang ditawarkan kepada anda mungkin melanggar prinsip ini, tanyakan kepada penyelia.

VIII. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Setiap pekerja perlu mematuhi undang-undang, peraturan dan aturan yang dikenakan terhadap perniagaan Syarikat. Contoh penting bagi keperluan undang-undang yang dikenakan terhadap ResMed dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah. Tentu sekali, setiap pekerja diminta memahami undang-undang berkenaan di negara ResMed melakukan perniagaan. Jika anda memerlukan bantuan, hubungi Jabatan Undang-undang. Panduan undang-undang khusus yang dinyatakan di bawah dibahagikan kepada tiga bahagian—Perniagaan Kami; Pelanggan Kami; dan Pekerja Kami.

1. Anti Korupsi—Berurusan dengan Pihak Berkuasa Kerajaan dan Awam

Banyak undang-undang di negara di mana kami melakukan perniagaan, seperti Akta Amalan Korup Asing Amerika Syarikat dan Akta Anti Rasuah England menjadikan korupsi satu hal yang serius. Yang pentingnya, negara

membangun, seperti China, juga telah mengumumkan bahawa mereka juga memandang serius isu korupsi—dengan menahan pegawai kerajaan dan pekerja individu syarikat yang terlibat dengan rasuah. Undang-undang anti rasuah juga lazimnya dikenakan di luar negara yang menggunakan undang-undang tertentu. Contohnya, Akta Amalan Korup Asing dikenakan di luar Amerika Syarikat, dan Akta Anti Rasuah UK dikenakan di luar UK, jadi pekerja di Eropah tertakluk kepada kedua-dua undang-undang. Pelanggaran undang-undang terhadap rasuah dan korupsi boleh mendatangkan denda yang serius terhadap Syarikat dan hukuman penjara bagi individu.

Oleh itu, adalah merupakan pelanggaran dasar Syarikat untuk memberikan apa-apa yang bernilai (hadiah, perkhidmatan atau hiburan) kepada kakitangan kerajaan atau pegawai lain bagi tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, mempengaruhi prestasi tugas rasmi secara tidak betul, atau apa-apa tujuan lain yang tidak sesuai atau mendapatkan kelebihan perniagaan. Ia juga menyalahi undang-undang untuk meminta atau membantu orang lain secara sengaja—ejen atau perunding pihak ketiga—untuk memberikan hadiah atau membuat sebarang pembayaran yang tidak sesuai bagi Syarikat jika dilakukan secara terus. Walau pun sesetengah undang-undang anti korupsi di sesetengah negara membolehkan "bayaran pemudahan" kepada pegawai kerajaan

untuk "melaksanakan sesuatu," Kod ini melarang semua jenis pembayaran tersebut tanpa semakan semula nyata dan kelulusan daripada Jabatan Undang-undang terlebih dahulu.

Akhir sekali, anda melainkan diluluskan terlebih dahulu oleh Ketua Pegawai Eksekutif, dan tertakluk kepada semakan semula oleh Penasihat Undang-undang Global Syarikat, Syarikat melarang sumbangan politik oleh Syarikat atau pekerja bagi pihak Syarikat. Ini termasuklah sumbangan daripada dana atau aset Syarikat untuk tujuan politik, menekan pekerja untuk membuat sumbangan politik atau membayar balik pekerja bagi sumbangan politik.

2. Persaingan dan Urusan Adil

Prestasi kami lebih cemerlang berbanding pesaing dengan cara yang adil dan jujur. Kami mendapat kelebihan persaingan melalui produk yang lebih baik dan prestasi lebih hebat, bukan melalui amalan perniagaan yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang. Secara umumnya, undang-undang persaingan mentadbir urusan perniagaan ResMed dengan pesaing dan menghalang perjanjian anti persaingan, seperti perjanjian dengan pesaing untuk menetapkan harga, membahagikan pasaran atau menentukan keputusan pembidaan. Saham pasaran ResMed mungkin menghadkan sesetengah aktiviti kami dan perlu dipertimbangkan dengan teliti sebelum mengambil kira amalan jualan atau kontrak yang mungkin dilihat sebagai menghadkan, memaksa atau berat sebelah. Pelanggaran undang-undang persaingan boleh menyebabkan kesan serius terhadap Syarikat dan pekerja, termasuklah denda dan hukuman penjara, pampasan sivil dan memburukkan reputasi kami.

Dapatkan bantuan serta-merta daripada Jabatan Undang-undang jika anda mengetahui tentang apa-apa perbincangan dengan pesaing berkenaan harga,

formula harga, kos atau keuntungan; pembidaan kontrak, pelan pemasaran atau wilayah jualan; terma dan syarat jualan; atau pengagihan pelanggan, wilayah atau barisan produk.

Amaran akhir: Undang-undang persaingan adalah kompleks dan mungkin berbeza di seluruh dunia, dan lazimnya memberikan jawapan yang berbeza bagi soalan yang sama, bergantung kepada negara di mana ResMed beroperasi. Jika anda mempunyai soalan tentang sama ada tindakan anda mungkin melanggar undang-undang persaingan tempatan, sila hubungi Jabatan Undang-undang.

3. Harta Intelek dan Rahsia Perdagangan

Kejayaan Syarikat dibina di atas inovasi dan prestasi cemerlang produk. Banyak daripada inovasi kami dilindungi oleh harta intelek. Kami komited dalam melindungi harta intelek Syarikat. Sama juga, kami menghormati hak harta intelek sah pesaing kami. Peraturan berkenaan perlindungan harta intelek dan pelanggaran berbeza dari negara ke negara, jadi anda perlu mendapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang jika anda bimbang tentang kemungkinan pelanggaran hak kami atau hak pihak ketiga oleh produk kami. Contoh aktiviti yang mungkin melanggar hak harta intelek syarikat lain termasuklah:

- Memasang perisian komputer tanpa lesen yang betul.
- Mengedarkan artikel daripada jurnal sains, surat berita atau majalah tanpa kebenaran.
- Menggunakan nama atau slogan pengiklanan yang telah digunakan oleh syarikat lain.
- Gagal bertindak jika anda menerima maklumat bahawa Syarikat mungkin melanggar paten yang dipegang oleh pihak ketiga.

Rahsia perdagangan lazimnya mengandungi maklumat sulit dengan nilai berterusan bagi sesebuah perniagaan. Mencuri rahsia perdagangan adalah jenayah di Amerika Syarikat dan lazimnya dilarang oleh undang-undang di semua negara di mana ResMed melakukan perniagaan. Anda perlu berhati-hati dalam melindungi rahsia perdagangan ResMed dan jangan sesekali cuba mencari rahsia perdagangan syarikat pesaing. Secara khususnya, semasa menemuduga bekas pekerja syarikat pesaing, anda mesti berhati-hati untuk tidak bertanya—atau menerima— maklumat sulit yang mungkin menjadi rahsia perdagangan pesaing. Jika anda bimbang bahawa Syarikat telah terdedah kepada rahsia perdagangan syarikat lain, sila hubungi Jabatan Undang-undang dengan segera.

4. Perdagangan Antarabangsa

Banyak negara mengawal hal perdagangan antarabangsa, seperti import, eksport dan transaksi kewangan antarabangsa. Negara mungkin mengenakan sekatan atas pelbagai sebab, termasuk keselamatan kebangsaan dan dasar luar negara. Secara khususnya, Amerika Syarikat menyekat perdagangan dengan

sesetengah negara yang dianggap seteru terhadap Amerika Syarikat dan sekutunya. Peraturan bagi syarikat Amerika Syarikat yang melakukan perniagaan dengan sesetengah negara—atau warganegara asing negara tersebut—telah digariskan oleh Kawalan Aset Luar Negara Pejabat Amerika Syarikat. Jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang sama ada Resmed dibenarkan untuk melakukan perniagaan dengan negara tertentu, rujuk kepada Jabatan Undang-undang.

Sebagai syarikat global, ResMed komited terhadap menghormati undang-undang import dan eksport negara di mana ia melakukan perniagaan. Ini bermakna bahawa kadang kala Syarikat dihadkan berkenaan di mana atau bagaimana ia menjual produknya. Jika kerja anda melibatkan jualan dan penghantaran produk, teknologi atau perkhidmatan merentasi sempadan antarabangsa, pastikan anda sentiasa dikemas kini dengan peraturan yang dikenakan terhadap Syarikat, sentiasa menggunakan dokumentasi import dan eksport yang tepat dan semak dengan personel pematuhan perdagangan di jabatan penghantaran jika anda tidak pasti tentang sesuatu jualan atau penghantaran.

5. Pelaburan Wang Haram

Orang yang terlibat dalam aktiviti jenayah mungkin cuba untuk "melaburkan" keuntungan daripada jenayah mereka untuk menyembunyikannya. Disebabkan keganasan global, lebih daripada 100 negara mempunyai undang-undang terhadap pelaburan wang haram, secara umumnya melarang syarikat daripada menerima atau memproses keuntungan haram daripada penjenayah dan pengganas. Untuk mematuhi undang-undang ini, Syarikat memilih untuk melakukan perniagaan hanya dengan pelanggan dan pembekal yang mempunyai reputasi baik, yang melakukan perniagaan yang sah. Untuk mengelakkan risiko pelaburan wang haram, pekerja perlu berhati-hati semasa melakukan urusan dengan perniagaan yang menggunakan jenis pembayaran yang dikaitkan dengan pelaburan wang haram, seperti pesanan wang berkali-kali, penggunaan cek pengembara, pembayaran tunai atau dana yang diterima daripada pihak ketiga yang tidak dikenali. Jika anda mengesyaki bahawa Syarikat telah terdedah kepada pelaburan wang haram, hubungi Jabatan Undang-undang dan pegawai kewangan kanan di rantau anda serta-merta.

6. Kelestarian dan Perlindungan Alam Sekitar

Kita dapat lihat peningkatan ketara berkenaan soalan yang ditanyakan oleh pelanggan tentang sumber, kandungan dan prestasi alam sekitar produk kita. Selain itu, Syarikat sering diminta mengesahkan kelayakan kelestariannya sebagai maklum balas bagi permintaan tender, terutamanya daripada sektor hospital. Syarikat mahu dan mencapai pematuhan tinggi dengan peraturan alam sekitar melalui latihan pekerja kami. Pekerja perlu berhati-hati dengan tanggungjawab latihan mereka, dan perlu melaporkan apa-apa kejadian di mana Syarikat tidak mematuhi kawalan alam sekitar tempatan. Laporan terkini berkenaan usaha kelestarian dan alam sekitar kami boleh didapati dalam pautan yang disertakan dalam Lampiran.

7. Kualiti

Komitmen kami terhadap kualiti, inovasi, pematuhan peraturan dan peningkatan berterusan, ditekankan dalam pendekatan kami terhadap kualiti global. Pekerja kami perlu menamatkan latihan dalam aspek sistem pengurusan kualiti kami yang diaplikasikan dalam peranan kerja mereka. Pekerja kami juga dilatih dalam amalan pengilangan baik, yang memandu tingkah laku harian mereka dalam pengilangan peranti perubatan. Setiap seorang daripada kami bertanggungjawab secara individu dan kumpulan terhadap kualiti produk ResMed. Jika anda melihat pelanggaran daripada standard kualiti yang ditetapkan di ResMed, sial laporkan kepada penyelia anda.

8. Hadiah dan Hiburan bagi Pelanggan dan Penyedia Penjagaan Kesihatan

Di ResMed, kami juga komited dalam mematuhi undang-undang berkenaan yang mengawal hubungan kami dengan penyedia penjagaan kesihatan dan pelanggan. Aktiviti pemasaran, promosi, penyelidikan klinikal dan pendidikan kami perlu konsisten dengan undang-undang yang berkaitan promosi bersesuaian untuk produk kami di setiap negara di mana kami beroperasi. Sesetengah negara, seperti Amerika Syarikat dan Perancis, malah memerlukan Syarikat untuk melaporkan secara terbuka setiap "pemindahan nilai" (hadiah, hidangan atau hiburan) kepada doktor berlesen. Peraturan yang sama dikenakan kepada organisasi yang disokong oleh ResMed dari segi penyelidikan klinikal.

Kami tidak boleh menggunakan apa-apa jenis sokongan, pembayaran atau manfaat peribadi dengan cara tidak sesuai untuk menggalakkan doktor untuk menyarankan, membuat preskripsi, membeli, membekalkan, menjual atau menggunakan produk ResMed. Apa-apa hadiah atau pembayaran kepada penyedia penjagaan kesihatan atau pelanggan perlu diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Undang-undang, mesti konsisten dengan undang-undang tempatan, dan lazimnya memerlukan perjanjian bertulis yang menetapkan perkhidmatan yang akan diberikan, pembayaran yang akan dibuat dan tujuan sah pembayaran ini. Hiburan mestilah sederhana dan sentiasa berkait dengan tujuan korporat yang betul seperti pembentangan maklumat saintifik, pendidikan atau komersil. Jika anda percaya bahawa hadiah atau pembayaran lain kepada penyedia penjagaan kesihatan atau pelanggan adalah tidak sesuai, sila laporkan maklumat tersebut kepada penyelia anda atau Jabatan Undang-undang dengan segera. Jika anda mempertimbangkan promosi yang mungkin dilihat sebagai mempengaruhi pelanggan atau penyedia penjagaan kesihatan dengan cara yang tidak sesuai, sila rujuk kepada Jabatan Undang-undang sebelum meneruskan.

9. Peluang Saksama, Diskriminasi dan Gangguan

ResMed percaya dengan peluang saksama bagi pekerjaannya, dan komited dalam mematuhi undang-undang berkenaan dalam mencegah diskriminasi dan gangguan. ResMed merekrut, menggaji, memberi pampasan dan melatih individu tanpa mengira kaum, warna kulit, agama, umur, jantina, negara asal, status perkahwinan, orientasi seksual, kekurangan upaya atau status lain yang dilindungi undang-undang. ResMed membuat keputusan penggajian berdasarkan keupayaan dan merit, bukan ciri-ciri peribadi yang tidak berkaitan

dengan kerja. ResMed menghargai kepelbagaian dan inklusif terhadap orang lain yang mempunyai latar belakang dan pengalaman berbeza. Oleh itu, adalah bertentangan dengan dasar Syarikat untuk mendiskriminasi terhadap pekerja berdasarkan status yang dilindungi secara undang-undang. Jika anda melihat diskriminasi berlaku di tempat kerja, atau anda percaya bahawa anda mangsa diskriminasi, sila laporkan kebimbangan anda kepada penyelia, Sumber Manusia atau Jabatan Undang-undang.

ResMed juga percaya bahawa semua pekerja perlu bebas gangguan semasa bekerja. Gangguan termasuklah apa-apa tingkah laku lisan, fizikal atau visual yang tidak diingini yang memalukan atau bersifat seteru terhadap pekerja berdasarkan status yang dilindungi. Contohnya, gangguan seksual ialah tingkah laku seksual yang tidak diingini. Buli juga dilarang di banyak negara, dan merupakan tingkah laku yang tidak sesuai di ResMed. Secara ringkasnya, ResMed tidak akan bertoleransi dengan gangguan atau salah layanan terhadap pekerjanya.

Walau pun ResMed melarang diskriminasi dan gangguan di semua tempat perniagaannya, undang-undang khusus yang berkenaan di setiap rantau mungkin berbeza. Oleh itu, Jabatan Sumber Manusia ResMed menerbitkan garis panduan dan dasar yang menerangkan tingkah laku yang diharapkan daripada pekerja di pelbagai negara di mana kita melakukan perniagaan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk jabatan Sumber Manusia tempatan anda. Dasar tempatan berkenaan diskriminasi dan gangguan disediakan dalam Lampiran.

10. Kesihatan dan Keselamatan

Kami komited dalam melindungi kesihatan dan keselamatan setiap pekerja ResMed. Tiada tugas yang amat penting sehinggakan ia tidak boleh dilakukan dengan selamat. Persekitaran kerja yang selamat dan terjamin juga bermakna tempat kerja yang selamat daripada dadah berbahaya dan keganasan. Undang-undang di pelbagai negara di mana kita melakukan perniagaan amat spesifik berkenaan tanggungjawab memastikan keselamatan pekerja. Jika anda mempunyai soalan berkenaan situasi yang mungkin memberi risiko kesihatan dan keselamatan bagi pekerja, rujuk kepada penyelia dengan segera.

IX. RUMUSAN

Untuk merumuskan, Kod ini, dan banyak dasar yang dirujuk yang dikenakan terhadap kerja seharian kita di ResMed, akan memberikan panduan dalam pelbagai situasi yang kita hadapi. Namun, kami tidak dapat menjawab semua soalan, terlebih dahulu, dengan Kod Etika atau dasar. Jadi jika anda ragu-ragu sama ada tindakan anda konsisten dengan komitmen Syarikat pada piawaian tertinggi etika korporat, silakan bertanya. Tanyakan penyelia, Jabatan Undang-undang, tanyakan Sumber Manusia. Tidak ada alasan, apabila berdepan dengan keputusan yang sukar, untuk tidak meminta bantuan daripada sumber kami. Yang penting, Syarikat percaya dan mengharapkan pekerjanya untuk melakukan perkara yang betul.

Selain daripada garis panduan yang ditetapkan dalam Kod ini, prosedur lain yang lebih terperinci dikenakan kepada ahli lembaga pengarah Syarikat, pegawai

eksekutif dan beberapa individu khas lain. Prosedur ini disampaikan secara berasingan kepada individu yang terlibat. Jika anda mempunyai sebarang soalan berkenaan prosedur ini atau prosedur lain, sila hubungi Jabatan Undang-undang dengan menghubungi David Pendarvis di + 1 (858) 836-5983, atau hantarkan e-mel kepada EthicsOffice@ResMed.com.

Melaporkan Pelanggaran Kod Etika Perniagaan dan Etika

1. Untuk menghubungi Talian Pelaporan Etika, sila gunakan nombor telefon yang disenaraikan di bawah.
Pemanggil boleh meminta ketanpanamaan tertakluk kepada peraturan kerahsiaan tempatan.

Negara	Nombor Akses
Amerika Syarikat dan Kanada	1 800 620-6934
Australia	1800151139
Perancis	0-805-542496
Jerman	08007243503
Malaysia	1800889815
Singapura	18006227250
India	000-117, apabila diminta, dail 800-620-6934
China	4009901443

Jika negara anda tidak disenaraikan dengan nombor akses, sila dail kod negara anda dan nombor berikut 470-219-7126. Anda akan disambungkan kepada operator yang akan menyambungkan anda ke talian, penterjemah tersedia jika anda ingin membuat laporan dalam bahasa ibunda anda. Ini adalah panggilan berbayar dan ResMed akan menerima semua caj pembayaran bagi panggilan ini.

2. Anda juga boleh menghantar laporan menggunakan Laman Web Pelaporan Talian Etika ResMed. Sila pergi ke URL berikut <http://resmed.tnwreports.com>, pilih bahasa rantau anda, dan ikuti arahan.
3. Jika anda tidak mahu menghantar laporan menggunakan Talian atau Laman Web, sila hantar laporan anda melalui pos ke:

Perhatian: Ketua Pegawai Pematuhan
ResMed, Inc.
9001 Spectrum Center Blvd
San Diego, CA 92123 USA